

**PANDUAN PERMOHONAN PINJAMAN PENDIDIKAN PTPTN
(PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL)**

A. Tarikh permohonan

1. Kelompok 1 Bermula dari 1 Oktober 2020 sehingga 31 Oktober 2020
2. Kelompok 2 Bermula dari 1 November 2020 sehingga 30 November 2020

B. Cara membuat permohonan

1. Pelajar perlu;-
 - i. Membuka Akaun Bank Muamalat
-Perlu membawa kad pengenalan, surat tawaran kemasukan ke DHU dan wang sejumlah RM20
 - ii. Membuka Akaun SSPN (Skim Simpanan Pendidikan Nasional)
-Perlu membawa kad pengenalan, sijil kelahiran dan wang deposit minimum RM20
-Akaun boleh dibuka di mana-mana cawangan PTPTN, Maybank, Bank Islam, Bank Rakyat & Agrobank
 - iii. Membeli Nombor Pin PTPTN di Bank BSN
-RM5
-hanya boleh digunakan bagi 1 permohonan sahaja
2. Bagi pemohon yang baru pertama kali hendak menggunakan sistem permohonan secara atas talian (online), sila daftarkan permohonan anda dengan mengisi maklumat nombor PTPTN pada menu PENDAFTARAN KALI PERTAMA dan menekan butang DAFTAR. Pemohon tidak perlu memilih menu tersebut bagi penggunaan seterusnya (hanya perlu daftar masuk dengan memasukkan nombor kad pengenalan dan kata laluan di ruangan atas laman web dan menekan butang LOG MASUK)
3. Menyelesaikan keseluruhan hutang pembiayaan pendidikan terdahulu sekiranya pernah mendapat pembiayaan pendidikan PTPTN tetapi gagal / berhenti / mendapat penaja lain / membatalkan pembiayaan pendidikan PTPTN.
4. Hanya emel rasmi pelajar sahaja yang perlu digunakan bagi urusan rasmi PTPTN.
5. Memastikan data-data pelajar yang diisi di Maklumat Pembiayaan adalah tepat
 - i. Pemohon mestilah memastikan maklumat yang diisi adalah tepat dan betul sebelum menekan butang "Ya" bagi tujuan pengesahan permohonan
 - ii. Butiran kursus adalah mengikut surat tawaran kemasukan ke DHU
 - iii. Tarikh mula pengajian perlulah mengikut bulan/tarikh surat tawaran kemasukan ke DHU
 - iv. Akaun bank yang diterima oleh pihak PTPTN adalah Bank Muamalat sahaja
 - v. Setiap permohonan yang telah disahkan TIDAK boleh dibuat pindaan dan pemohon dikehendaki membeli nombor PTPTN yang baru untuk membuat permohonan baru.

6. Semua permohonan pinjaman perlu dibuat melalui laman sesawang PTPTN di <https://www.ptptn.gov.my/ionline/#/first-time-application> seperti contoh dibawah;-

TABUNG Pendidikan PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL

Pendaftaran Kali Pertama
** Sekiranya pembelian pin di BSN

LOG MASUK PENDAFTARAN PINJAMAN

NO. KAD PENGENALAN * :
Sila isikan No Kad Pengenalan (12 digit) tanpa mengisi sebarang (-, /, , ruang kosong)

TARIKH BAYARAN (HHBBTT) * :

MASA BAYARAN (JMMSS) * :

NO PTPTN * :
Masukkan Maklumat No. PTPTN yang dibeli daripada BSN

DAFTAR

Nota: Bahagian yang mempunyai tanda (*) adalah wajib diisi.

PANDUAN :

(I) Panduan Pendaftaran Kali Pertama (sekiranya membeli No. PTPTN melalui online). [↪ DI SINI](#)

(II) Panduan Pendaftaran Kali Pertama (sekiranya membeli No. PTPTN melalui BSN). [↪ DI SINI](#)

(III) Panduan mengisi dokumen perjanjian tawaran pinjaman. [↪ DI SINI](#)

C. Semakan Kelulusan

1. Sila semak kelulusan anda dalam tempoh 7 hari selepas tarikh permohonan tutup. Pihak PTPTN akan memaklumkan kelulusan pembiayaan pinjaman melalui email rasmi pelajar atau pelajar boleh berhubung terus dengan pegawai PTPTN untuk mendapat pengesahan.
2. Sekiranya permohonan pinjaman diluluskan, pelajar hendaklah mencetak dokumen perjanjian yang telah dihantar melalui email atau melalui akaun pelajar di laman sesawang, seterusnya melengkapkan dan menghantar ke mana-mana pejabat PTPTN yang berdekatan dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen perjanjian dikeluarkan oleh pihak PTPTN.
3. Pastikan pelajar membuat 1 salinan dokumen perjanjian yang telah di semak oleh Pejabat PTPTN untuk diserahkan kepada pihak Universiti bagi tujuan rekod oleh pihak tertentu.

D. Syarat Pinjaman Setelah Permohonan Diluluskan

1. Memperolehi GPA 2.00 dan ke atas pada setiap semester untuk melayakkan pelajar mendapat pinjaman pada semester tersebut.
2. Jika pelajar mendapat GPA 1.99 dan ke bawah, pinjaman PTPTN untuk semester tersebut akan digantung sehingga pelajar mendapat GPA 2.00 dan keatas pada semester berikutnya
3. Pembayaran yuran pengajian yang digantung oleh pihak PTPTN perlu dijelaskan sendiri oleh pihak pelajar

-TAMAT-